

Headline  
Date  
MediaTitle  
Section  
Journalist  
Frequency  
Circ / Read

Peranan Prostar kini diperluas  
09 Jul 2010  
Sinar Harian  
Selangor & KL  
N/A  
Daily  
60,000 /

Language  
Page No  
Article Size  
Color  
ADValue  
PRValue

Malay  
S8  
227 cm<sup>2</sup>  
Full Color  
1,249  
3,746



# Peranan Prostar kini diperluas

## Bukan sekadar membanteras Aids

KUALA LUMPUR – Jika sebelum ini Program Remaja Sihat (Prostar) dilihat berperan sebagai sebuah organisasi bukan kerajaan membanteras Aids, kini ia bergerak dalam pelbagai aspek memperkasakan remaja dan belia khususnya di bandar.

Yang Dipertua Kelab Prostar Kuala Lumpur, Zainuddin Abd Samad berkata, pelbagai program diatur dengan kerjasama persatuan penduduk.

"Kelab Prostar akan mengadakan sesi jelah-jelah ke perumahan dengan mengadakan aktiviti sihat.

"Jika dahulu ditubuhkan kerana Aids, kini ia melibatkan semua aspek seperti gejala sosial, dadah, seks bebas, sumbang mahram dan sebagainya," katanya ketika ditemui pada satu program di sini.

Menurut Zainuddin, penglibatan remaja bermula dengan penubuhan kelab di kawasan perumahan mereka, seterusnya bertanggungjawab membantu daripada segi kepakaran dan peralatan.

"Antara aktiviti sihat yang dibuat adalah pertandingan bola sepak jalanan, flying fox dan permainan dalaman seperti catur.

"Selain itu, Kelab Prostar juga mempunyai pendekatan membina sahsiah remaja melalui program berbentuk motivasi iaitu Penjelajahan Alam Semesta yang sedang dalam perangkaan untuk diadakan pada Oktober depan," katanya.

Program motivasi tersebut akan merangkumi tujuh modul, iaitu jelajah isu remaja, diri, dunia dan seisinya, kehebatan matahari, alam semesta/cakerawala, ghaib, dan akhirat.



■ Antara aktiviti dianjurkan Prostar dengan kerjasama persatuan penduduk.